

11/07/2002

Abdullah mula kempen calon BN

PENDANG, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulakan kempen untuk calon Barisan Nasional (BN) sebaik saja selepas penamaan calon hari ini, dengan menemui peniaga Cina di pekan Tanah Merah di sini.

Timbalan Perdana Menteri meluangkan masa beramah mesra dan bersalaman dengan penduduk pekan itu, lewat petang ini selepas menemui jentera kerja BN di rumah sepupu Pengerusi Bernama, Datuk A Kadir Jasin, Mohd Ramli.

Pada majlis yang diadakan di hadapan rumah itu, beliau berkata penduduk Pendang perlu memberi sokongan penuh kepada calon BN, Datuk Othman Abdul kerana keupayaannya memimpin mereka.

"Othman mempunyai ciri-ciri wakil rakyat yang baik. Masyarakat Cina juga kini memberi sokongan penuh kepada BN. Dalam BN, kita bekerja sebagai satu pasukan," katanya yang turut diiringi Othman.

Terdahulu, Abdullah menghadiri Majlis Sepetang Bersama Timbalan Perdana Menteri di Sekolah Kebangsaan Kampung Pulai, Tokai di sini serta merasmikan surau sekolah berkenaan.

Dalam ucapannya di situ, beliau berkata walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara, Perdana Menteri akan terus bersama Umno dan BN bagi meneruskan perjuangan.

Oleh itu, katanya, rakyat juga perlu terus memberi sokongan kepada BN dan Umno.

"Perjuangan politik kita adalah satu seruan dakwah kepada apa yang baik dalam politik. Melalui politik kita buat apa yang baik untuk rakyat supaya rakyat berasa senang dan maju.

"Sebenarnya, orang Islam di negara ini boleh maju dan berjaya. Malah yang bukan Islam turut diberi kebebasan beragama mereka. Apa yang dilakukan kerajaan sekarang adalah ke arah kebaikan untuk rakyat," katanya.

Abdullah turut dijadualkan berkempen di kawasan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit di Alor Star, malam ini.